

# SUKIPT 2016 Johor: UMS buat penamat satu perak, satu gangsa

uB 5.2.2016 A14

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menamatkan acaranya dengan tambahan satu perak dan satu gangsa pada Sukan Antara Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) Ke-III Johor kelmarin.

Kedua-dua pingat itu dimenangi dalam acara olahraga 3,000mlari berhalangan menerusi Norfazira Asmadi Harjono (pingat perak) dan Josephine Yaban (pingat gangsa).

"Kedua-dua atlet ini berjaya mengatasi rekod lama kejohanan tetapi hanya berpuas hati dengan pingat perak dan gangsa kerana ada yang lebih pantas dari mereka," kata pengarah Pusat Sukan UMS, Mohd Asyraaf Fong Abdullah ketika dihubungi kelmarin.

Pingat emas acara itu dimenangi peserta Politeknik Kedah, Teoh Kim Ling.

"Tambahan pingat hari ini adalah bonus kerana kami telahpun mencapai sasaran enam emas kelmarin (3 Februari)," kata Asyraaf.

Keseluruhannya, UMS meraih enam emas, lima perak dan 11 gangsa untuk berada di kedudukan keenam setakat jam 6.00 petang kelmarin.

Kejohanan itu berakhir dengan beberapa lagi acara hari ini tetapi sudah tidak melibatkan peserta UMS yang hanya mengambil bahagian dalam 10 dari 25 jenis sukan yang dipertandingkan.

UMS hanya mengambil bahagian dalam sukan taekwondo, silat, olahraga, karate, bola tampar pantai, lawan pedang, badminton, petanque, boling padang dan boling tenpin.

Kejohanan dwitahunan yang menawarkan keseluruhan 251 pingat emas itu disertai lebih 120 institusi pengajian tinggi awam dan swasta termasuk politeknik, kolej komuniti, Institut Pendidikan dan Kolej Matrikulasi.

Selain IPTA dan IPTS tempatan, kejohanan itu juga disertai pasukan luar negara iaitu Thailand, Mynmar, Indonesia dan Laos.